



**GARIS PANDUAN  
PROGRAM  
PEMULIHAN  
KANAK-KANAK  
KEKURANGAN  
ZAT MAKANAN  
(PPKZM)**



e ISBN 978-629-98763-9-7



9 786299 876397

Kementerian Kesihatan Malaysia  
2024



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# GARIS PANDUAN PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN (PPKZM)

ISBN: 978-967-2469-60-5

e ISBN: 978-629-98763-9-7

Pengarah  
Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 1, Blok E3, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya, MALAYSIA  
<http://hq.moh.gov.my>  
Tel: 03-8892 4503/4556 | Fax: 03-8892 4511

Cetakan Pertama 2024

©Kementerian Kesihatan Malaysia

## Hak Cipta Terpelihara.

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan kebenaran tersebut hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

# Kata Alu-Aluan

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam



Pertama sekali, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan syabas kepada semua pegawai yang telah menyumbangkan input dalam penghasilan Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) ini. Garis panduan ini merupakan bahan rujukan utama anggota kesihatan dalam pengendalian intervensi kepada kanak-kanak kekurangan zat makanan daripada keluarga berpendapatan rendah yang hadir di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seperti mana kita semua sedia maklum, masalah kurang zat makanan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia merupakan satu masalah yang sedang meruncing dan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Apatah lagi apabila kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah dikenal pasti mengalami masalah kurang zat makanan. Mereka adalah kumpulan rentan yang perlu dibantu daripada aspek penerimaan perkhidmatan kesihatan dan kejamindapatan makanan berkhasiat agar mereka berpotensi untuk membesar dengan sihat dan menjadi generasi yang produktif. Program ini merupakan salah satu intervensi kepada kanak-kanak kumpulan rentan ini bagi mengelakkan masalah menjadi lebih kronik, mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih, pertumbuhan fizikal dan kognitif kanak-kanak terjejas serta peningkatan risiko penyakit tidak berjangkit akibat pemakanan apabila dewasa. Saya amat berharap dengan pengukuhan pelaksanaan program ini, masalah pemakanan kronik dalam kalangan kanak-kanak khususnya kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah dapat dibendung.

**Datuk Dr. Norhayati binti Rusli**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

# Kata Alu-Aluan

**Pengarah Bahagian Pemakanan**



Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai daripada pelbagai latar belakang profesion yang telah menyumbang kepakaran dalam penghasilan garis panduan ini. Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan merupakan intervensi yang telah memberi manfaat kepada hampir 260,000 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah sejak ianya dimulakan pada tahun 1989. Seiring dengan situasi semasa status pemakanan kanak-kanak di Malaysia dan global, program ini telah diperkukuhkan dengan perluasan kumpulan sasaran, perubahan intervensi dan prosedur penyampaian perkhidmatan agar ia dapat meliputi kumpulan sasaran yang lebih luas dan efektif.

Saya berharap garis panduan ini dijadikan asas rujukan pengendalian kanak-kanak kurang zat yang layak didaftarkan dalam program ini. Semoga setiap sumbangan dan perhatian yang telah kita berikan kepada kanak-kanak pelapis negara ini akan membolehkan mereka bangkit memajukan Malaysia tercinta.

**Rusidah binti Selamat**

Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

# KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Objektif program</b>	<b>2</b>
<b>Seksyen A : Kanak-kanak Kurang Zat Makanan</b>	<b>4</b>
A1 Kriteria Kelayakan	5
A2 Pakej Bantuan	6
A3 Lawatan Penyiasatan dan Pendaftaran	7
A4 Perolehan dan Agihan Bantuan	8
A5 Pengendalian Kes	9
<b>Seksyen B : Kanak-kanak Berisiko Kurang Zat Makanan</b>	<b>12</b>
B1 Kriteria Kelayakan	13
B2 Pakej Bantuan	14
B3 Lawatan Penyiasatan dan Pendaftaran	15
B4 Perolehan dan Agihan Bantuan	16
B5 Pengendalian Kes	17
<b>Seksyen C : Pemantauan dan Penilaian Program</b>	<b>19</b>
<b>Senarai Jadual</b>	
Lampiran 1: Jadual 1 (Rumusan Pakej Bantuan)	24
Lampiran 14: Jadual 2 (Penyelenggaraan Senarai Semak/ Laporan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan)	65
<b>Senarai Borang</b>	
Lampiran 2: Borang Lawatan Penyiasatan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Panduan Pengisian Borang Lawatan Penyiasatan	25
Lampiran 3: Borang Pengesahan Pendapatan Isi Rumah Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan	29
Lampiran 4: Borang Pengesahan Pengenalan Diri Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan	30
Lampiran 5: Borang Persetujuan Daftar Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan	31
Lampiran 6: Borang Pendaftaran Penerima Bantuan, PPKZMR101 Pind. 1/2024 Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Panduan Pengisian Borang Pendaftaran Penerima Bantuan (PPKZMR 101 Pind.1/2024)	32
Lampiran 8: Borang Pesanan dan Penerimaan Bantuan, PPKZMR103 Pind. 1/2024 Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Panduan Pengisian Borang Pesanan dan Penerimaan Bantuan (PPKZMR103 Pind.1/2024)	45

**Senarai Rekod**

<b>Lampiran 7:</b> Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan, PPKZMR102 Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Panduan Pengisian Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan (PPKZMR102) .....	<b>42</b>
<b>Lampiran 9:</b> Rekod Kawalan Stok, PPKZMR104 Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Panduan Pengisian Rekod Kawalan Stok (PPKZMR104) .....	<b>47</b>

**Senarai Semak**

<b>Lampiran 10:</b> Senarai Semak Lawatan Ke Rumah Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan .....	<b>49</b>
--	-----------

**Senarai Carta Alir**

<b>Lampiran 11:</b> Carta alir pengendalian kanak-kanak kekurangan zat makanan dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Proses Kerja Pengendalian Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan .....	<b>50</b>
<b>Lampiran 12:</b> Carta alir pengendalian kanak-kanak berisiko kekurangan zat makanan dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan - Proses Kerja Pengendalian Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan .....	<b>55</b>

**Senarai Laporan**

<b>Lampiran 13:</b> Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan Yang Menerima dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind.1/2024) - Panduan Pengisian Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Menerima dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind.1/2024).....	<b>60</b>
---	-----------

**Senarai Cadangan**

<b>Lampiran 15:</b> Cadangan Spesifikasi Susu Tepung dan Susu UHT dalam Pakej Bantuan di Bawah Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) .....	<b>67</b>
<b>Lampiran 16:</b> Cadangan Berat Item dalam Pakej Bantuan Di Bawah Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) .....	<b>68</b>

<b>Senarai Ahli Kumpulan Kerja</b> .....	<b>69</b>
--	-----------



## PENGENALAN

Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) telah dilaksanakan sejak tahun 1989 sehingga kini sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan status pemakanan kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 bulan sehingga 6 tahun. Di bawah program ini, selain daripada pemberian bantuan bakul makanan, kanak-kanak ini juga perlu dipastikan menerima imunisasi, penjagaan kesihatan kanak-kanak serta pendidikan kesihatan dan pemakanan.

Semakan garis panduan PPKZM ini telah dibuat beberapa kali sebagai langkah penambahbaikan pelaksanaan bagi meningkatkan keberkesanan program. Pada semakan kali ini, hasil dapatan dan cadangan daripada Kajian Penilaian Keberkesanan PPKZM (UPM, 2018) telah diambil kira selain pandangan daripada anggota di lapangan. Penambahbaikan ini juga mengambil kira dasar serta polisi sedia ada di peringkat global dan kebangsaan seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2016-2025 (NPANM) III, Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak 2023-2030, *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *Global Nutrition Target 2030* dalam usaha mempertingkatkan status pemakanan kanak-kanak Malaysia, terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah. Selain itu, semakan kali ini turut menekankan kesinambungan penjagaan kesihatan di dalam tempoh 1,000 hari pertama kehidupan sebagai langkah pencegahan masalah malpemakanan berganda dalam kalangan kanak-kanak.

Pengemaskinian ini diharapkan dapat membantu pengurusan kes yang lebih komprehensif daripada semua anggota kesihatan dan agensi lain yang berkaitan. Sehubungan itu, garis panduan ini perlu diguna pakai dan dijadikan rujukan utama oleh anggota kesihatan dalam pelaksanaan PPKZM.

## OBJEKTIF PROGRAM

**Menurunkan sekurang-kurangnya 20%**  
masalah **kurang berat badan dan susut** dalam kalangan kanak-kanak yang  
**berumur 36 bulan** daripada keluarga berpendapatan rendah.



# Seksyen A : Kanak-kanak Kurang Zat Makanan





## A1 Kriteria Kelayakan

Kriteria kelayakan yang diambil kira untuk pemberian bantuan meliputi umur, status pemakanan dan kesihatan serta pendapatan keluarga.



### 1.1 Umur

Kanak-kanak warganegara Malaysia berumur di antara 6 hingga 83 bulan (6 tahun 11 bulan).

### 1.2 Status Pemakanan dan Kesihatan

Mempunyai salah satu atau kombinasi masalah berikut:

#### 1.2.1 Kurang Berat Badan

Bayi dan kanak-kanak dengan berat badan di bawah  $-2SD$  berdasarkan indikator Berat-untuk-Umur.

#### 1.2.2 Bantut

Bayi dan kanak-kanak dengan panjang / tinggi di bawah  $-2SD$  berdasarkan indikator Panjang / Tinggi-untuk-Umur.

#### 1.2.3 Susut / Kurus\*


Bayi dan kanak-kanak dengan *Body Mass Index* (BMI) di bawah  $-2SD$  berdasarkan indikator BMI-untuk-Umur

(\*merujuk kepada kanak-kanak berumur 5 tahun ke atas, berdasarkan Carta Pertumbuhan WHO 2007)

Nota: Bagi kes dengan kombinasi masalah pemakanan, nilai z-skor yang paling rendah dipilih sebagai kriteria pendaftaran program di dalam PPKZMR101 Pind. 1/2024 dan PPKZMR201 Pind.1/2024

#### 1.2.4 Marasmus, kwashiorkor dan marasmic kwashiorkor.

#### 1.2.5 Kongenital dengan masalah pemakanan seperti di 1.2.1 hingga 1.2.4. Contohnya *Congenital Heart Disease*, *Cerebral Palsy*.



### 1.3 Pendapatan Keluarga

Keluarga daripada kategori pendapatan miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan / Negeri. Keutamaan pemberian bantuan adalah kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin tegar dan miskin. Walau bagaimanapun, bantuan kepada kanak-kanak daripada keluarga B40 boleh dipertimbangkan bergantung kepada peruntukan semasa di negeri / bahagian / kawasan / daerah.



## A2 Pakej Bantuan



- 2.1 Bantuan berbentuk bahan makanan diberikan seperti rumusan pakej dan item setiap pakej adalah seperti di **Lampiran 1**.



- 2.2 Bantuan diberikan secara bulanan

- 2.3 Harga pakej bagi setiap penerima adalah



**RM250**  
(Semenanjung)



**RM300**  
(Sabah / Sarawak / WP Labuan)

## A3

# Lawatan Penyiasatan dan Pendaftaran Bantuan

- 3.1** Lawatan penyiasatan hendaklah dijalankan segera dalam tempoh satu (1) bulan sebelum bantuan dimulakan menggunakan Borang Lawatan Penyiasatan (**Lampiran 2**).
- 3.2 Dokumen-dokumen berikut perlu disertakan untuk pendaftaran bantuan:**
  - 3.2.1** Borang Pengesahan Pendapatan Isi Rumah (**Lampiran 3**) perlu diisi untuk semua kes. Salinan slip gaji ibu / bapa / penjaga yang diakui sah mesti disertakan (sekiranya ada).
  - 3.2.2** Salinan MyKid / dokumen pengenalan diri kanak-kanak yang diakui sah. Sekiranya tiada dokumen pengenalan diri, lengkapkan Borang Pengesahan Pengenalan Diri (**Lampiran 4**).
  - 3.2.3** Salinan MyKad / dokumen pengenalan diri ibu/ bapa/ penjaga yang diakui sah. Sekiranya tiada dokumen pengenalan diri, lengkapkan Borang Pengesahan Pengenalan Diri (**Lampiran 4**).
  - 3.2.4** Borang Persetujuan Daftar yang lengkap ditandatangani (**Lampiran 5**). Sekiranya ibu / bapa/ penjaga tidak bersetuju dengan terma dan syarat tersebut, bantuan tidak akan diberikan.
  - 3.2.5** Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZM, PPKZMR101 Pind. 1/2024 yang diisi dengan lengkap (**Lampiran 6**).
- 3.3** Pegawai Perubatan / Pegawai Sains Pemakanan / Penyelia Jururawat Kesihatan / Ketua Jururawat Kesihatan hendaklah memastikan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan telah lengkap sebelum mengesahkan kelayakan dan pendaftaran kanak-kanak dalam program di Borang Lawatan Penyiasatan; (**Lampiran 2- Perkara D; 32**).
- 3.4** Semua maklumat kes yang telah disahkan dan menerima bantuan perlu dilengkapkan dalam Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM Yang Menerima Bantuan PPKZM, PPKZMR102 (**Lampiran 7**) semasa bantuan pertama diterima.



## A4 Perolehan dan Agihan Bantuan

- 4.1 Senarai kes baharu yang telah dibuat lawatan penyiasatan dan layak didaftar perlu dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan menggunakan Borang Pesanan Bantuan dan Penerimaan, PPKZMR103 Pind. 1/2024 (**Lampiran 8**) untuk proses perolehan bantuan oleh penyelarasa di peringkat daerah / bahagian / kawasan dalam tempoh satu (1) bulan. Borang ini perlu diisi dalam 2 salinan dan disimpan di Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan serta di klinik kesihatan.
- 4.2 Perolehan bantuan perlu dibuat mengikut tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa sama ada melalui tender, sebut harga atau perolehan terus.
- 4.3 Agihan bantuan dilakukan melalui klinik kesihatan. Walau bagaimanapun, bagi kes tertentu yang tidak dapat hadir ke klinik, kaedah agihan boleh ditentukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.
- 4.4 Penerimaan dan pengagihan pakej bantuan perlu direkodkan ke dalam Rekod Kawalan Stok, PPKZMR104 (**Lampiran 9**). Anggota kesihatan perlu memastikan stok bantuan diuruskan mengikut Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan semasa sekiranya berkaitan.
- 4.5 Semua kes perlu diberi satu (1) bantuan pada setiap bulan semasa sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya kes tidak hadir ke klinik, atas sebab-sebab yang munasabah, bantuan boleh diberi secara kumulatif dua (2) bulan sahaja dan direkodkan.
- 4.6 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) kanak-kanak yang layak menerima bantuan dalam satu (1) keluarga, bantuan boleh diberikan mengikut bilangan kanak-kanak yang layak.
- 4.7 Semua kes yang didaftarkan dalam program perlu menerima bantuan mengikut tempoh seperti berikut:
  - 4.7.1 Kes yang didaftar pada **umur 6 hingga 24 bulan** perlu menerima bantuan sehingga **umur 36 bulan**.
  - 4.7.2 Kes yang didaftar pada umur **melebihi 24 bulan** hingga 6 tahun perlu menerima bantuan **sebanyak 12 kali**.



## A5 Pengendalian Kes

Anggota kesihatan perlu mengendalikan semua kes kanak-kanak yang layak menerima bantuan dengan menjalankan pemantauan status pemakanan, pengemaskinian maklumat penerimaan bantuan dan pemantauan kes bagi penentuan pemberhentian bantuan seterusnya.

### 5.1 Kanak-kanak yang berada dalam program akan:

**5.1.1** Dipantau status pemakanan melalui pengukuran antropometri iaitu berat, tinggi dan BMI pada setiap bulan.

**5.1.2** Dinilai oleh Pegawai Perubatan dan / atau Pegawai Sains Pemakanan (PSP) pada setiap bulan untuk 3 bulan pertama bagi tujuan penilaian dan pengendalian yang lebih baik. Bagi kes di fasiliti kawasan pedalaman yang tiada PSP, penilaian ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan pertama.

**5.1.3** Dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi lain yang berkaitan serta dibuat tindak susul dari semasa ke semasa.

**5.1.4** Dilakukan lawatan ke rumah (LR) oleh Jururawat / PSP menggunakan Senarai Semak Lawatan Ke Rumah (Lampiran 10) mengikut norma seperti berikut:

i. LR bagi **kes baharu** dibuat sekali dalam tempoh 3 bulan selepas menerima bantuan pertama.

ii. LR **ulangan / susulan** bagi kes yang tiada peningkatan status pemakanan dalam tempoh 3 bulan dibuat selepas lawatan pertama.

iii. LR bagi kes di bawah Pasukan Doktor Udara (PDU) adalah mengikut prosedur PDU sedia ada.

**5.2** Dinilai semula pendapatan keluarga dari semasa ke semasa mengikut keperluan menggunakan Borang Lawatan Penyiasatan (**Lampiran 2**).

**5.3** Maklumat penerimaan bantuan dan antropometri kes perlu dikemas kini setiap bulan ke dalam Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZM, PPKZMR101 Pind. 1/2024 (**Lampiran 6- Perkara C dan D**).

**5.4** Maklumat rujukan serta lawatan ke rumah perlu dikemas kini di dalam Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan PPKZMR102 (**Lampiran 7**).

**5.5** Kriteria pemberhentian bantuan terbahagi kepada dua (2) kategori berdasarkan umur semasa menerima bantuan pertama dan penilaian status pemakanan.

**5.5.1 Kes yang menerima bantuan pertama pada umur 6 hingga 24 bulan**

i. **Semua indikator pertumbuhan normal pada usia 36 bulan;**

ii. Sekiranya pada usia 36 bulan, perkara (i) di atas tidak dipenuhi, bantuan akan diteruskan dan dinilai setiap bulan sehingga semua indikator normal.

- 5.5.2 Kes yang menerima bantuan pertama pada umur melebihi 24 bulan**
- i. Semua indikator pertumbuhan normal selepas menerima 12 kali bantuan;  
**atau**
  - ii. Selepas menerima 12 kali bantuan, kes boleh dipertimbang untuk diberhentikan dengan syarat berikut:
    - a. Berat badan dan BMI normal; **dan**
    - b. Bantut sederhana tetapi meningkat mengikut lengkung pertumbuhan dan mendekati median.
  - iii. Sekiranya status pemakanan kes tidak meningkat seperti di perkara (i) atau (ii) di atas, kes akan diteruskan bantuan dan penilaian dibuat setiap bulan sehingga perkara (i) atau (ii) tersebut dipenuhi.
- 5.6 Kes boleh diberhentikan walaupun masih berada dalam tempoh pemberian bantuan seperti perkara 4.7 sekiranya memenuhi sebab-sebab lain pemberhentian bantuan seperti berikut:**
- 5.6.1** Masuk sekolah Tahun 1.
  - 5.6.2** Pendapatan isi rumah keluarga telah melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa.
  - 5.6.3** Umur genap 7 tahun bagi kes yang tidak bersekolah.
  - 5.6.4** Kes berpindah daerah / kawasan / bahagian / negeri.
  - 5.6.5** Kes tidak dapat dikesan dalam masa 2 bulan berturut-turut. Bagi kes Pribumi / Orang Asli semi-nomad, pemberhentian bantuan adalah tertakluk kepada pertimbangan penyelaras di peringkat lapangan.
  - 5.6.6** Ibu bapa / penjaga kes enggan menerima bantuan atau tidak memberi kerjasama.
  - 5.6.7** Kes meninggal dunia.
- 5.7** Kes yang berhenti perlu disahkan oleh Pegawai Perubatan/ Pegawai Sains Pemakanan / Penyelia Jururawat Kesihatan / Ketua Jururawat Kesihatan / Jururawat Kesihatan Awam.
- 5.8** Maklumat kes yang berhenti bantuan perlu dilengkapkan dalam Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZMR101 Pind.1/2024 (**Lampiran 6-Perkara E**), pada bulan berikutnya selepas bantuan terakhir.
- Contohnya:**  
Kes A telah menerima bakul makanan terakhir pada tarikh **23 November 2023** (no. 45). Tarikh berhenti bantuan ialah pada **23 Disember 2023** (no.49). Bulan pelaporan kes, dalam Laporan Bulanan / Tahunan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Menerima Dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind.1/2024) ialah pada bulan **Disember 2023** (no.51).
- 5.9** Carta alir pengendalian kanak-kanak kekurangan zat makanan dalam program PPKZM adalah seperti di **Lampiran 11**.

# Seksyen B : Kanak-kanak Berisiko Kurang Zat Makanan





## B1 Kriteria Kelayakan

Kriteria kelayakan yang diambil kira untuk pemberian bantuan meliputi umur, status pemakanan dan kesihatan serta pendapatan keluarga.



### 1.1 Umur

Kanak-kanak warganegara Malaysia berumur di antara 6 hingga 83 bulan (6 tahun 11 bulan).

### 1.2 Status Pemakanan dan Kesihatan

Mempunyai salah satu atau kombinasi masalah berikut:

#### 1.2.1 Berisiko Kurang Berat Badan

- i. Peningkatan berat badan tidak mengikut lengkung pertumbuhan kanak-kanak berdasarkan Carta Pertumbuhan Berat-untuk-Umur, menjauhi garisan median (0 SD) pada 2 temu janji rutin ; **atau**
- ii. Tiada peningkatan berat badan / statik pada 2 temu janji rutin.

#### 1.2.2 Berisiko Bantut

- i. Peningkatan panjang / tinggi tidak mengikut lengkung pertumbuhan kanak-kanak berdasarkan Carta Panjang / Tinggi-untuk-Umur, menjauhi garisan median (0 SD) pada 2 temu janji rutin; **atau**
- ii. Tiada peningkatan berat badan / statik pada 2 temu janji rutin.

#### 1.2.3 Berisiko Susut

- i. Penurunan BMI merentasi garisan -1SD ke arah -2SD pada 2 temu janji rutin.

(\*merujuk kepada kanak-kanak berumur 5 tahun ke atas, berdasarkan Carta Pertumbuhan WHO 2007)

**Nota:** Bagi kes dengan kombinasi masalah pemakanan, nilai z-skor yang paling rendah dipilih sebagai kriteria pendaftaran program di dalam PPKZMR101 Pind. 1/2024 dan PPKZMR201 Pind. 1/2024.

- 1.2.4 Kongenital **dengan masalah** pemakanan seperti di 1.2.1 hingga 1.2.3. Contohnya *Congenital Heart Disease, Cerebral Palsy*.

### 1.3 Pendapatan Keluarga

Keluarga daripada kategori pendapatan miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri. Keutamaan pemberian bantuan adalah kepada kanak-kanak berisiko daripada keluarga miskin tegar dan miskin. Walau bagaimanapun, bantuan kepada kanak-kanak daripada keluarga B40 boleh dipertimbangkan bergantung kepada peruntukan di negeri / bahagian / kawasan / daerah.



## B2 Pakej Bantuan



- 2.1 Bantuan berbentuk susu tepung penuh krim dalam kuantiti 2.4 – 3.0 kg dan multivitamin (Pakej 4) seperti di **Lampiran 1**.



- 2.2 Bantuan diberikan secara bulanan

- 2.3 Harga pakej bagi setiap penerima adalah



**RM120**  
(Semenanjung)



**RM150**  
(Sabah / Sarawak / WP Labuan)

## B3 Lawatan Penyiasatan dan Pendaftaran Bantuan

- 3.1** Lawatan penyiasatan hendaklah dijalankan segera dalam tempoh satu (1) bulan sebelum bantuan dimulakan menggunakan Borang Lawatan Penyiasatan (**Lampiran 2**).
- 3.2** **Dokumen-dokumen berikut perlu disertakan untuk pendaftaran bantuan:**
  - 3.2.1** Borang Pengesahan Pendapatan Isi Rumah (**Lampiran 3**) perlu diisi untuk semua kes. Salinan slip gaji ibu/bapa / penjaga yang diakui sah mesti disertakan (sekiranya ada).
  - 3.2.2** Salinan MyKid / dokumen pengenalan diri kanak-kanak yang diakui sah. Sekiranya tiada dokumen pengenalan diri, lengkapkan Borang Pengesahan Pengenalan Diri (**Lampiran 4**).
  - 3.2.3** Salinan MyKad / dokumen pengenalan diri ibu/ bapa / penjaga yang diakui sah. Sekiranya tiada dokumen pengenalan diri, lengkapkan Borang Pengesahan Pengenalan Diri (**Lampiran 4**).
  - 3.2.4** Borang Persetujuan Daftar yang lengkap ditandatangani (**Lampiran 5**). Sekiranya ibu / bapa/ penjaga tidak bersetuju dengan terma dan syarat tersebut, bantuan tidak akan diberikan.
  - 3.2.5** Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZM, PPKZMR101 Pind. 1/2024 yang diisi dengan lengkap (**Lampiran 6**).
- 3.3** Pegawai Perubatan / Pegawai Sains Pemakanan / Penyelia Jururawat Kesihatan/ Ketua Jururawat Kesihatan hendaklah memastikan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan telah lengkap sebelum mengesahkan kelayakan dan pendaftaran kanak-kanak dalam program di Borang Lawatan Penyiasatan (**Lampiran 2- Perkara D; 32**).
- 3.4** Semua maklumat kes yang telah disahkan dan menerima bantuan perlu dilengkapkan dalam Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM Yang Menerima Bantuan PPKZM, PPKZMR102 (**Lampiran 7**).



## B4 Perolehan dan Agihan Bantuan

- 4.1 Senarai kes baharu yang telah dibuat lawatan penyiasatan dan layak didaftar perlu dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan menggunakan Borang Pesanan dan penerimaan Bantuan, PPKZMR103 Pind. 1/2024 (**Lampiran 8**) untuk proses perolehan bantuan oleh penyelaras di peringkat daerah / bahagian / kawasan dalam tempoh satu (1) bulan. Borang ini perlu diisi dalam 2 salinan dan disimpan di Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian/ Kawasan serta klinik kesihatan.
- 4.2 Perolehan bantuan perlu dibuat mengikut tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa sama ada melalui tender, sebut harga atau perolehan terus.
- 4.3 Agihan bantuan dilakukan melalui klinik kesihatan. Walau bagaimanapun, bagi kes tertentu yang tidak dapat hadir ke klinik, kaedah agihan boleh ditentukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.
- 4.4 Penerimaan dan pengagihan pakej bantuan perlu direkodkan ke dalam Rekod Kawalan Stok, PPKZMR104 (**Lampiran 9**). Anggota kesihatan perlu memastikan stok bantuan diuruskan mengikut Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan semasa sekiranya berkaitan.
- 4.5 Semua kes perlu diberi satu (1) bantuan pada setiap bulan semasa sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya kes tidak hadir ke klinik, atas sebab-sebab yang munasabah, bantuan boleh diberi secara kumulatif dua (2) bulan sahaja dan direkodkan.
- 4.6 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) kanak-kanak yang layak menerima bantuan dalam satu (1) keluarga, bantuan boleh diberikan mengikut bilangan kanak-kanak yang layak.
- 4.7 Semua kes yang didaftarkan perlu menerima bantuan sebanyak enam (6) kali sebelum diberhentikan bantuan.



## B5 Pengendalian Kes

Anggota kesihatan perlu mengendalikan semua kes kanak-kanak yang layak menerima bantuan dengan menjalankan pemantauan status pemakanan, pengemaskinian maklumat penerimaan bantuan dan pemantauan kes bagi penentuan pemberhentian bantuan seterusnya.

### 5.1 Kanak-kanak yang berada dalam program akan:

- 5.1.1 Dipantau status pemakanan melalui pengukuran antropometri iaitu berat, tinggi dan BMI pada setiap bulan.
  - 5.1.2 Dinilai oleh Pegawai Perubatan dan/atau Pegawai Sains Pemakanan (PSP) pada setiap bulan untuk 3 bulan pertama bagi tujuan penilaian dan pengendalian yang lebih baik. Bagi kes di fasiliti kawasan pedalaman yang tiada PSP hakiki, penilaian ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan pertama.
  - 5.1.3 Dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi lain yang berkaitan serta dibuat tindak susul dari semasa ke semasa.
  - 5.1.4 Dilakukan lawatan ke rumah (LR) oleh Jururawat/ PSP menggunakan Senarai Semak Lawatan Ke Rumah (Lampiran 10) mengikut norma seperti berikut:
    - i. LR bagi **kes baharu** dibuat sekali dalam tempoh 3 bulan selepas menerima bantuan pertama.
    - ii. LR **ulangan / susulan** bagi kes yang tiada peningkatan status pemakanan dalam tempoh 3 bulan dibuat selepas lawatan pertama.
    - iii. LR bagi kes di bawah Pasukan Doktor Udara (PDU) adalah mengikut prosedur PDU sedia ada.
- 5.2 Dinilai semula pendapatan keluarga dari semasa ke semasa mengikut keperluan menggunakan Borang Lawatan Penyiasatan (**Lampiran 2**).
- 5.3 Maklumat penerimaan bantuan dan antropometri kes perlu dikemas kini setiap bulan ke dalam Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZM, PPKZMR101 Pind. 1/2024 (**Lampiran 6-Perkara C dan D**).
- 5.4 Maklumat rujukan serta lawatan ke rumah perlu dikemas kini di dalam Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan PPKZMR102 (**Lampiran 7**).

## 5.5 Kriteria pemberhentian bantuan

- 5.5.1 Telah menerima bantuan sebanyak enam (6) kali dan semua status pemakanan meningkat mengikut lengkung pertumbuhan serta mendekati median; **atau**
- 5.5.2 Sekiranya tiada peningkatan **dan** masih dalam keadaan berisiko, bantuan akan diteruskan dan dinilai setiap bulan. Kes akan diberhentikan apabila terdapat 3 kali peningkatan mendekati median bagi semua status pemakanan.
- 5.5.3 Sekiranya kes didapati mengalami masalah kurang zat makanan, rujuk kes kepada Pakar Perubatan Keluarga / Pakar Kanak-kanak / Pegawai Perubatan. Kes diberhentikan **dan** didaftar baru berdasarkan **Seksyen A**.

## 5.6 Kes boleh diberhentikan walaupun masih berada dalam tempoh pemberian bantuan sekiranya memenuhi sebab-sebab lain pemberhentian bantuan seperti berikut:

- 5.6.1 Masuk sekolah Tahun 1.
- 5.6.2 Pendapatan isi rumah keluarga telah melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa.
- 5.6.3 Umur genap 7 tahun bagi kes yang tidak bersekolah.
- 5.6.4 Kes berpindah daerah / kawasan / bahagian / negeri.
- 5.6.5 Kes tidak dapat dikesan dalam masa 2 bulan berturut-turut. Bagi kes Pribumi / Orang Asli / Penan semi-nomad, pemberhentian bantuan adalah tertakluk kepada pertimbangan penyelaras di peringkat lapangan.
- 5.6.6 Ibu bapa / penjaga kes enggan menerima bantuan atau tidak memberi kerjasama.
- 5.6.7 Kes meninggal dunia.

## 5.7 Kes yang berhenti perlu disahkan oleh Pegawai Perubatan / Pegawai Sains Pemakanan / Penyelia Jururawat Kesihatan / Ketua Jururawat Kesihatan / Jururawat Kesihatan Awam.

## 5.8 Maklumat kes yang berhenti bantuan perlu dilengkapkan dalam Borang Pendaftaran Penerima Bantuan (PPKZMR101 Pind. 1/2024 (Lampiran 6-Perkara E), pada bulan berikutnya selepas bantuan terakhir.

### 5.8 Contohnya:

Kes A telah menerima bakul makanan terakhir pada tarikh **23 November 2023** (no.45). Tarikh berhenti bantuan ialah pada **23 Disember 2023** (no.49). Bulan pelaporan kes, dalam Laporan Bulanan / Tahunan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Menerima Dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind.1/2024) ialah pada bulan **Disember 2023** (no.51).

### Contohnya:

Kes A telah menerima bakul makanan terakhir pada tarikh **23 November 2023** (no. 45). Tarikh berhenti bantuan ialah pada **23 Disember 2023** (no.49). Bulan pelaporan kes, dalam Laporan Bulanan / Tahunan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Menerima Dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind.1/2024) ialah pada bulan **Disember 2023** (no.51).

## 5.9 Carta alir pengendalian kes kanak-kanak berisiko kekurangan zat makanan adalah seperti di **Lampiran 12**.





Seksyen C :

# Pemantauan dan Penilaian Program

- 1 Kanak-kanak di dalam program dipantau melalui:
  - 1.1 Maklumat ukuran berat badan, panjang/ tinggi dan BMI yang perlu dikemas kini setiap bulan ke dalam Borang Pendaftaran Penerima Bantuan PPKZM, PPKZMR101 Pind. 1/2024 (**Lampiran 6**);
  - 1.2 Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan PPKZMR102 (**Lampiran 7**);
  - 1.3 Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan Yang Menerima dan Tidak Menerima Bantuan, PPKZMR201 pind.1/2024 (**Lampiran 13**).
  
- 2 Penilaian program dibuat secara bulanan dan dipantau melalui:
  - 1.1 Laporan Prestasi Perbelanjaan Bulanan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan\*  
 \*Laporan menggunakan format pelaporan semasa yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Pemakanan.
  - 1.2 Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan PPKZMR102
  - 1.3 Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-kanak KZM Yang Menerima dan Tidak Menerima Bantuan, PPKZMR201 pind.1/2024.
  
- 3 Program dinilai menggunakan indikator “Peratus Penurunan Bilangan Kanak-Kanak Kurang Berat Badan (KBB) dan Susut Dalam Kalangan Kanak-Kanak Berumur 36 Bulan”. Formula pengiraan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan kanak-kanak KBB}^{\text{A}} \text{ dan Susut}^{\text{B}} \text{ Meningkatkan Status Pemakanan Pada Umur 36 bulan}}{\text{Bilangan kanak-kanak KBB}^{\text{C}} \text{ dan Susut}^{\text{D}} \text{ Pada Umur 36 bulan}} \times 100$$

**Nota**

- A : Bilangan kanak-kanak KBB meningkat status pemakanan berdasarkan kolom 19 Reten PPKZMR201 Pind.1/2024
- B : Bilangan kanak-kanak susut meningkat status pemakanan berdasarkan kolom 21 Reten PPKZMR201 Pind.1/2024
- C : Bilangan kanak-kanak KBB pada umur 36 bulan berdasarkan kolom 36 PPKZMR201 Pind.1/2024
- D : Bilangan kanak-kanak susut pada umur 36 bulan berdasarkan kolom 38 PPKZMR201 Pind.1/2024

- 4 Kanak-kanak dengan masalah Marasmus / Kwashiorkor / Marasmic Kwashiorkor & Masalah Kronik dan / atau Kongenital **dikecualikan** dalam penilaian program.
  
- 5 Semua laporan yang dihantar ke ibu pejabat perlu disemak dan disahkan oleh Pegawai Sains Pemakanan Negeri sebelum penghantaran. Penyelenggaraan senarai semak / borang / laporan PPKZM adalah seperti di **Lampiran 14**.

# Lampiran

# SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1** Jadual 1 : Rumusan Pakej Bantuan
- Lampiran 2** Borang Lawatan Penyiasatan  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 3** Borang Pengesahan Pendapatan Isi Rumah  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 4** Borang Pengesahan Pengenalan Diri  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 5** Borang Persetujuan Daftar  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 6** Borang Pendaftaran Penerima Bantuan, PPKZMR101 Pind. 1/2024  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 7** Rekod Daftar Jagaan Kanak-kanak KZM yang Menerima Bantuan, PPKZMR102  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 8** Borang Pesanan dan Penerimaan Bantuan, PPKZMR103 Pind. 1/2024  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 9** Rekod Kawalan Stok, PPKZMR104  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 10** Senarai Semak Lawatan Ke Rumah  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 11** Carta alir pengendalian kanak-kanak kekurangan zat makanan dalam  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 12** Carta alir pengendalian kanak-kanak berisiko kekurangan zat makanan dalam  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 13** Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan Yang  
Menerima dan Tidak Menerima Bantuan (PPKZMR201 Pind 1/2024)
- Lampiran 14** Jadual 4 : Penyelenggaraan Senarai Semak/ Borang/ Laporan PPKZM
- Lampiran 15** Cadangan Spesifikasi Susu Tepung dan Susu UHT dalam Pakej Bantuan Di Bawah  
Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan
- Lampiran 16** Cadangan Berat Item Dalam Pakej Bantuan  
Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan

**Jadual 1 : Rumusan Pakej Bantuan**

Pakej 1 (Makanan Kering)								
Kumpulan Penerima				Semua kes kanak-kanak KZM				
Lokaliti dan harga pakej				<b>RM250</b> (Semenanjung) <b>RM300</b> (Sabah / Sarawak / WP Labuan)				
Bijirin				Protein	Lemak/ Minyak	Legum dan kecang	Susu	Vitamin
Beras*	Bijirin sarapan	Biskut	Serbuk malt coklat	Telur ayam*	Marjerin*	Kecacang* (cth: kacang dhal / kacang tanah / kacang peas / kacang hijau)	Susu tepung penuh krim	Multivitamin
Bihun*				Ikan sardin*	Mentega*			
Mi Kering*				Ikan bilis*	Minyak masak*			
					Santan kotak*	Mentega kacang*		

\*Jenis makanan ini boleh dibekalkan kesemua sekali atau boleh dibuat pilihan

Pakej 2 (Pakej Susu Tepung)	
Kumpulan Penerima	Semua kes kanak-kanak KZM
Lokaliti dan harga pakej	<b>RM250</b> (Semenanjung) <b>RM300</b> (Sabah / Sarawak / WP Labuan)
Susu tepung	Multivitamin

Pakej 3 (Mychipp)		
Kumpulan Penerima	Kanak-kanak Pribumi / Orang asli (Semi-nomad sahaja)	
Lokaliti dan harga pakej	<b>RM250</b> (Semenanjung) <b>RM300</b> (Sabah / Sarawak / WP Labuan)	
Makanan sedia dimakan (Ready to eat, RTE)	Susu UHT penuh krim	Multivitamin

Pakej 4 (Pakej STPK)	
Kumpulan Penerima	Kanak-kanak berisiko kurang zat makanan
Lokaliti dan harga pakej	<b>RM120</b> (Semenanjung) <b>RM150</b> (Sabah / Sarawak / WP Labuan)
Susu tepung penuh krim	Multivitamin



**BORANG LAWATAN PENYIASATAN  
PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia

Nama Fasiliti : \_\_\_\_\_ Tarikh Lawatan Penyiasatan : \_\_\_\_ / \_\_\_\_ / \_\_\_\_

Nama Anggota : \_\_\_\_\_

1. MAKLUMAT KANAK-KANAK	
1 Nama penuh	:
2 No. MyKid	:
3 Alamat	:
4 Poskod	:
5 Bandar	:
6 Daerah	:
7 Negeri	:
8 Tarikh lawatan klinik terkini	:
	Hari Bulan Tahun
2. MAKLUMAT KEMUDAHAN ASAS	
9 Tandas sempurna	: Status <input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tiada Keadaan <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/> Rosak <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan Kegunaan <input type="checkbox"/> Guna <input type="checkbox"/> Tidak guna <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan
10 Sistem air kumbahan	: Status <input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tiada Keadaan <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/> Rosak <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan Kegunaan <input type="checkbox"/> Guna <input type="checkbox"/> Tidak guna <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan
11 Tempat pelupusan sampah	: Status <input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tiada Keadaan <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/> Rosak <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan Kegunaan <input type="checkbox"/> Guna <input type="checkbox"/> Tidak guna <input type="checkbox"/> Tidak berkenaan
12 Sumber utama bekalan air untuk memasak *Boleh tanda lebih dari satu	: <input type="checkbox"/> Graviti feed <input type="checkbox"/> Perigi tiub <input type="checkbox"/> Perigi terbuka <input type="checkbox"/> Air hujan <input type="checkbox"/> Air sungai <input type="checkbox"/> Paip air syarikat bekalan air tempatan <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) :
13 Rujukan kepada unit / jabatan / agensi berkaitan *Boleh tanda lebih dari satu	: <input type="checkbox"/> BAKAS <input type="checkbox"/> Jabatan Kebajikan Masyarakat <input type="checkbox"/> Pejabat Daerah / eKasih <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) : _____
3. MAKLUMAT KELUARGA	
14 Nama ibu / penjaga	:
15 Hubungan dengan kes	:
16 No. MyKad ibu / penjaga	:
Dapatkan salinan MyKad atau isi Dokumen Pengesahan Diri sekiranya tiada MyKad	
17 No. Telefon bimbit ibu / penjaga	:
18 Pekerjaan ibu / penjaga	: <input type="checkbox"/> Pekerja kerajaan <input type="checkbox"/> Bekerja sendiri <input type="checkbox"/> Pekerja separa kerajaan <input type="checkbox"/> Suri rumah <input type="checkbox"/> Pekerja swasta <input type="checkbox"/> Lain-lain, nyatakan:
19 Taraf pendidikan ibu / penjaga	: <input type="checkbox"/> Tidak bersekolah <input type="checkbox"/> Sekolah rendah <input type="checkbox"/> Sekolah menengah <input type="checkbox"/> Kolej / Universiti <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) :
20 Nama bapa / penjaga	:
21 Hubungan dengan kes	:
22 No. MyKad bapa / penjaga	:
Dapatkan salinan MyKad atau isi Dokumen Pengesahan Diri sekiranya tiada MyKad	
23 No. Telefon bimbit bapa / penjaga	:
24 Pekerjaan bapa / penjaga	: <input type="checkbox"/> Pekerja kerajaan <input type="checkbox"/> Bekerja sendiri <input type="checkbox"/> Pekerja separa kerajaan <input type="checkbox"/> Suri rumah <input type="checkbox"/> Pekerja swasta <input type="checkbox"/> Lain-lain, nyatakan:
25 Taraf pendidikan bapa / penjaga	: <input type="checkbox"/> Tidak bersekolah <input type="checkbox"/> Sekolah rendah <input type="checkbox"/> Sekolah menengah <input type="checkbox"/> Kolej / Universiti <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) :
26 Bil ahli keluarga	: Orang 27 Bil anak dalam satu keluarga : : Orang
28 Pendapatan bulanan isi rumah	: Ibu / penjaga RM Bapa / penjaga RM Ahli keluarga lain RM Lain-lain sumber RM Jumlah RM
29 Pendapatan Per kapita	: RM
